contributed to by, resulting from, arising out of, or in connection with a Communicable Disease or the fear or threat (whether actual or perceived) of a Communicable Disease regardless of any other cause or event contributing concurrently or in any other sequence thereto.

2. As used herein, a Communicable Disease mean any disease which can be transmitted by means of any substance or agent from any organism to another organism where :-
 - 2.1 the substance or agent includes, but is not limited to, a virus, bacterium, parasite or other organism or any variation thereof, whether deemed living or not, and
 - 2.2 the method of transmission, whether direct or indirect, includes but is not limited to, airborne transmission, bodily fluid transmission, transmission from or to any surface or object, solid, liquid or gas or between organisms, and
 - 2.3 the disease, substance or agent can cause or threaten damage to human health or human welfare or can cause threaten damage to, deterioration of, loss of value of, marketability of or loss of use of property.

(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The whole of this Policy (with the documents in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE

Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

TRAVELGUARD INSURANCE POLICY

SETEM HASIL
TELAH
DIBAYAR

A. Kontrak Insurans Pegguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

B. Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

TAKRIF AM

KAMI/KITA The Pacific Insurance Berhad
ANDA/KAMU Setiap Orang Yang Diinsuranskan

SEKSYEN 1 – KEMALANGAN DIRI

Anda dilindungi jika anda mengalami kecederaan akibat daripada kemalangan diri semasa perjalanan anda dan dalam masa dua-belas (12) bulan daripada tarikh kecederaan mengakibatkan:

	Faedah	Individu	Orang Dewasa (Keluarga)	Kanak-kanak (Keluarga)
1	Kematian	RM200,000	RM200,000	RM50,000
2	Kehilangan satu atau lebih anggota badan atau kehilangan penglihatan pada sebelah atau kedua-dua belah mata	RM200,000	RM200,000	RM50,000
3	Hilang upaya menyeluruh kekal	RM200,000	RM200,000	RM50,000

NOTA: Faedah maksimum tidak melebihi had yang dinyatakan pada Sijil Insurans.

Anda tidak dilindungi untuk:

Apa-apa tuntutan untuk kematian, kehilangan atau hilang upaya diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. sesuatu penyakit atau apa-apa kecacatan fizikal atau penyakit;

2. sesuatu kecederaan yang wujud sebelum bermulanya perjalanan tersebut;
3. kehamilan.

SEKSYEN 2 – PERUBATAN DAN BELANJA LAIN

Pelan Individu	Pelan Keluarga
Sehingga RM300,000	Sehingga RM900,000 (RM100,000 untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan)

Sekiranya anda sakit atau cedera dalam perjalanan anda:

Anda akan dilindungi untuk:

1. Untuk rawatan perubatan dan pembedahan kecemasan, tuntutan untuk rawatan pergigian kecemasan akibat daripada suatu kemalangan adalah dihadkan kepada RM350 untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan;
2. Untuk penginapan tambahan yang munasabah dan perlu (bilik sahaja) dan belanja perjalanan (Kelas Ekonomi), termasuk seseorang saudara atau kawan jika anda harus ditemani pulang atas nasihat perubatan atau anda seorang kanak-kanak dan perlu ditemani pulang;
3. Dalam hal perubatan lanjutan, hospital dan belanja rawatan yang anda tanggung dengan sewajarnya di Malaysia dalam masa tiga (3) bulan selepas anda pulang dari perjalanan anda;
(a) Apabila belanja sedemikian berpunca daripada suatu kecederaan badan kemalangan atau penyakit ketika anda di luar negeri, sehingga RM3,000 untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan atau keluarga.;
4. Dalam hal kematian:
(a) Untuk pemindahan badan atau abu mayat ke rumah anda (tidak termasuk kos untuk pengebumian atau pembakaran mayat) atau;
(b) Belanja upacara pengebumian tempatan di luar negeri dihadkan kepada RM2,500.

Anda tidak dilindungi untuk:

1. Ubat dan/atau rawatan yang diketahui pada masa bertolak bahawa ia akan diperlukan atau akan diteruskan di luar rumah anda.
2. Untuk kos apa-apa rawatan pilihan (bukan kecemasan) atau pembedahan, termasuk ujian tinjauan, kos hospital tambahan yang tidak berhubung secara langsung dengan penyakit atau kecederaan yang memerlukan anda masuk ke hospital.

SEKSYEN 3 – FAEDAH KESULITAN PERUBATAN

Anda dilindungi untuk faedah sebanyak RM100 sehari untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan sehingga jumlah maksimum RM3,000, sebagai tambahan kepada apa-apa belanja perubatan yang berlaku di bawah Seksyen 2 polisi ini jika anda masuk ke sebuah hospital yang diiktiraf di luar negeri sebagai seorang pesakit dalam.

NOTA: Dokumen mesti dihantar untuk mengesahkan tarikh dan masa masuk dan keluar hospital.

SEKSYEN 4 – PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN

Anda dilindungi untuk faedah sebanyak RM1,000,000 jika anda menderita daripada suatu penyakit dan/atau kemalangan di luar negeri dan jika perkhidmatan perubatan tempatan tidak mencukupi atau tidak wujud dan keadaan perubatan mewajarkan pemindahan kecemasan ke tempat lain. Segala keputusan mengenai cara-cara pengangkutan dan destinasi terakhir akan berdasarkan sebab-sebab perubatan semata-mata.

SEKSYEN 5 – REPATRIASI

Anda dilindungi sehingga RM50,000 untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan dan/atau keluarga bagi belanja yang ditanggung untuk menghantar balik anda ke Malaysia atas nasihat bertulis oleh pengamal perubatan berdaftar yang merawat anda disebabkan kematian atau hilang upaya melalui kecederaan badan atau penyakit ke atas diri anda, sesiapa yang anda berjalan-jalan dengan atau saudara terdekat anda.

SEKSYEN 6 – BELANJA PEMENDEKAN

Pelan Individu	Pelan Keluarga
Sehingga RM10,000	Sehingga RM30,000

Anda dilindungi:

- Perjalanan dan/atau perancangan penginapan yang belum diguna tetapi telah dibayar, jika anda dan apabila wajar teman yang dilindungi oleh polisi ini terpaksa memendekkan perjalanan anda dan balik ke rumah anda lebih awal daripada masa yang dirancang disebabkan oleh:
 - Kematian, kecederaan parah atau penyakit serius:
 - Anda atau sesiapa yang anda berjalan-jalan dengan;
 - Seorang ahli keluarga terdekat anda yang tinggal di rumah anda;
 - Seorang rakan perniagaan rapat anda.
 - Rumah anda atau tempat perniagaan dijadikan tidak boleh didiami atau polis meminta anda hadir berikutan rompak atau cubaan rompak di rumah anda atau tempat perniagaan.

NOTA: Nilai kos bersekadar ini akan dikira dari tarikh pulang ke rumah anda.
- Belanja perjalanan tambahan munasabah yang anda tanggung untuk pulang ke rumah anda (Kelas Ekonomi) lebih awal daripada tarikh dirancang untuk sebab yang dinyatakan di dalam Faedah 1 Seksyen ini.

SEKSYEN 7 – PEMBATALAN

Pelan Individu	Pelan Keluarga
Sehingga RM10,000	Sehingga RM30,000

Anda dilindungi:

Jika perjalanan dan perancangan penginapan yang anda pra-bayar atau mengikat kontrak untuk membayar dibatalkan sebelum anda bertolak dari rumah dengan syarat bahawa pembatalan itu diperlukan dan tidak boleh dielakkan (dan bukan disebabkan semata-mata oleh rasa keberatan untuk memulakan perjalanan anda sebagaimana dirancang) akibat daripada:

- Kematian atau hilang upaya melalui kecederaan badan, penyakit, mengandung atau di bawah kuarantin ke atas diri (a) anda, (b) sesiapa yang anda ingin berjalan-jalan atau tinggal dengan (c) seseorang saudara terdekat anda atau sesiapa yang anda ingin berjalan-jalan dengan atau (d) seseorang rakan perniagaan rapat anda;
- Anda dipanggil untuk khidmat juri atau sebagai seorang saksi (tetapi bukan sebagai seorang pakar saksi atau pekerjaan anda biasanya memerlukan anda hadir di mahkamah) di dalam Mahkamah Undang-undang;
- Anda dijadikan pekerja berlebihan, dengan syarat bahawa kami diberitahu secara bertulis dengan serta-merta selepas pemberitahuan lebih pekerja diterima dan anda tidak tahu tentang apa-apa lebih pekerja yang akan berlaku pada masa polisi ini dikeluarkan;
- Rumah anda atau tempat perniagaan dijadikan tidak boleh didiami atau polis meminta anda hadir berikutan rompak atau cubaan rompak di rumah anda atau tempat perniagaan.

Anda tidak dilindungi untuk:

- Tuntutan dalam keadaan sijil perubatan belum diperoleh daripada seorang pengamal perubatan untuk mengesahkan

bahawa pembatalan perjalanan ini adalah perlu dari segi perubatan;

- Sesuatu yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh peraturan-peraturan larangan Kerajaan mana-mana Negars.

SEKSYEN 8 – HIJAK

Anda dilindungi untuk faedah RM500 bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan atau keluarga selama setiap 12 jam penuh berterusan sehingga jumlah maksimum RM5,000 untuk jangka masa hijak tersebut..

SEKSYEN 9 – PENANGGUHAN PERJALANAN

Anda dilindungi untuk:

- Suatu faedah RM200 untuk setiap 6 jam penuh berterusan anda ditangguhkan, sehingga jumlah maksimum RM3,600 (tidak kira bilangan kejadian yang ditangguh), atau;
- Sehingga amaun di bawah bahagian pembatalan polisi ini jika anda menghentikan perjalanan itu selepas 6 jam penuh yang pertama.

Jika penerbangan pergi atau balik anda kea tau dari rumah anda ditangguhkan melebihi 6 jam daripada masa bertolak yang diingini (sebagaimana ditetapkan pada tiket perjalanan anda) akibat daripada:

- Mogok atau tindakan perindustrian;
- Keadaan cuaca yang buruk;
- Kerosakan mekanikal atau kesilapan teknikal pesawat udara tersebut.

Anda tidak dilindungi:

- Sekiranya anda tidak mendaftar masuk untuk penerbangan sebelum masa bertolak yang diingini;
- Untuk apa-apa tuntutan akibat daripada penarikan balik perkhidmatan pesawat udara secara sementara atau sebaliknya atas perintah atau cadangan Pihak Berkuasa Penerbangan atau pertubuhan seumpama mana-mana Negara.

SEKSYEN 10 – TERLEPAS MASA BERTOLAK

Pelan Individu	Pelan Keluarga
Sehingga RM500	Sehingga RM1,500

Anda dilindungi untuk belanja hotel dan perjalanan yang perlu ditanggung, jika kereta/keretapi/bas yang anda naiki terlibat dalam suatu kemalangan, mengakibatkan anda terlewat sampai dari rumah anda untuk memulakan perjalanan anda yang ditempah.

Anda tidak dilindungi:

- Jika masa yang mencukupi tidak diberi untuk perjalanan anda;
- Jika anda tidak menuju terus ke tempat bertolak.

SEKSYEN 11 – HARTA PERIBADI

A. BAGASI PERIBADI

Anda dilindungi sehingga RM2,500 untuk nilai atau pembaikan mana-mana bagasi diri anda yang hilang, dicuri, rosak atau musnah (selepas mengambil kira haus dan lusuh dengan sewajarnya). Dihadkan kepada RM800 untuk mana-mana satu barang dan untuk jumlah semua barang bernilai, dihadkan kepada RM400 untuk satu dan/atau sepasang set barang, dihadkan kepada RM500 untuk semua kelengkapan golf.

NOTA: Dalam hal tuntutan untuk sepasang atau satu set barang, kami hanya bertanggungjawab untuk nilai bahagian pasang atau set uang hilang, dicuri, rosak atau musnah sahaja.

B. BAGASI TERTANGGUH

Anda dilindungi sehingga RM200 untuk setiap enam (6) jam berterusan bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan/keluarga sehingga jumlah maksimum RM600 terhadap kos membeli pengganti keperluan jika bagasi diri anda tertangguh daripada sampai kepada anda dan dalam perjalanan pergi anda. Anda mesti memperolehi satu laporan bertulis daripada pengangkut tersebut (yakni system penerbangan, syarikat pengangkutan

kapal dan sebagainya) atau wakil pelancongan tersebut. Resit asal adalah perlu dalam hal tuntutan.

C. WANG PERIBADI DAN DOKUMEN PERJALANAN

Anda dilindungi:

Wang Peribadi	Dokumen Perjalanan
Sehingga RM800	Sehingga RM5,000

Untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan/Keluarga jika wang dan dokumen perjalanan diri anda hilang atau dicuri ketika dibawa oleh diri anda atau ditinggalkan di dalam kotak deposit keselamatan yang dikunci.

NOTA: Jika anda berusia kurang daripada 18 tahun, tuntutan di bawah Wang Peribadi adalah dihadkan kepada RM200 secara keseluruhannya..

Anda tidak dilindungi:

1. Jika anda tidak mengamalkan kecermatan wajar demi keselamatan dan pengawasan harta anda;
2. Jika anda tidak memperolehi satu laporan polis bertulis dalam masa 24 jam selepas mengetahui hal kehilangan, rompakkan atau kecuian bagasi, barang bernilai atau wang;
3. Apabila bagasi anda hilang, rosak atau tertanggung dalam transit, jika anda tidak:
 - (a) Memberitahu pengangkut dengan serta-merta dan mendapatkan laporan pengangkut bertulis atau Laporan Ketaksekataan Harta dalam hal system penerbangan atau,
 - (b) Usaha lanjutan bertulis dalam masa 7 hari untuk memperolehi satu laporan pengangkut bertulis (atau Laporan Ketaksekataan Harta dalam hal system penerbangan), jika anda tidak dapat mendapatkan laporan dengan serta-merta.
4. Untuk kehilangan, kemusnahan, kerosakan atau kecurian:
 - (a) Daripada perampasan atau penahanan oleh kastam atau pegawai lain atau pihak berkuasa;
 - (b) Untuk kanta sentuh, gigi palsu, alat pendengaran, sampel atau dagangan, bon, kupon, sekuriti, setem atau apa-apa jenis dokumen, kenderaan atau aksesori kenderaan (selain daripada kerusi roda dan kerusi tolak sahaja), khemah, barang-barang antic, alat muzik, gambar, mesin taip, telefon mudah alih, computer dan/atau aksesori, televisyen, gear sukan semasa penggunaan basikal berpedal, perahu, bot, dan/atau alat tambahan, gelas atau porselin;
 - (c) Disebabkan haus dan lusuh, perbuatan mengemikkan atau mencakar, gegat atau binatang perosak;
 - (d) Untuk barang bernilai yang ditinggalkan sebagai "bagasi berdaftar".
5. Untuk kerosakan mekanikal, kekalutan atau kepecahan barang mudah pecah atau barang rapuh yang diangkut oleh sebuah pengangkut, melainkan disebabkan oleh kebakaran atau kemalangan lain ke atas kapal, pesawat udara atau kenderaan yang mengangkut barang tersebut.
6. Untuk bagasi peribadi yang dicuri dari sebuah kenderaan tanpa jagaan, melainkan ia berada di bahagian tempat berkunci atau bahagian belakang bot atau bahagian bagasi kenderaan tersebut dan ia ditutupi supaya tidak dinampak dari luar kenderaan dan terdapat bukti memasuki dengan penggunaan kekuatan fizikal dan keganasan.
7. Untuk apa-apa kekurangan yang disebabkan oleh kesilapan, perbuatan tertinggal atau susut nilai.
8. Untuk sesuatu harta yang diinsuranskan secara lebih khusus atau boleh didapatkan kembali daripada mana-mana sumber lain.
9. Untuk kehilangan atau kerosakan ke atas kelengkapan golf semasa betul-betul bermain atau berlatih.

SEKSYEN 12 – KEGAGALAN MENYAMBUNG PERJALANAN

Anda dilindungi sehingga RM200 jika jadual penyambungan penerbangan anda yang seterusnya terlepas ketika pemindahan kerana kelewatan ketibaan penyambungan penerbangan anda,

dengan tiada pengangkutan alternative yang disediakan kepada Anda dalam masa 6 jam dari masa ketibaan sebenar penerbangan Anda.

Butiran bertulis mengenai kegagalan penyambungan penerbangan mestilah diperolehi daripada syarikat perkhidmatan penerbangan atau agen mereka.

SEKSYEN 13 – LIABILITI DIRI

Anda dilindungi sehingga jumlah maksimum RM1,000,000 bagi belanja undang-undang dan liability undang-undang untuk kerosakan yang diakibatkan oleh suatu kemalangan yang berlaku dalam tempoh pelancongan tersebut, berkenaan dengan mana-mana satu kejadian tuntutan yang dibuat ke atas diri anda untuk:

1. Kecederaan badan kemalangan terhadap seseorang yang bukan merupakan ahli keluarga atau rumah tangga anda atau diambil bekerja oleh anda;
2. Kehilangan atau kerosakan apa-apa harta yang bukan kepunyaan, bukan dalam jagaan dan bukan dalam kawalan anda atau mana-mana ahli keluarga anda, ahli rumah tangga anda atau pekerja anda;
3. Kerosakan ke atas penginapan percutian sementara anda yang bukan kepunyaan anda atau mana-mana ahli keluarga anda, ahli rumah tangga anda atau pekerja anda.

Anda tidak dilindungi untuk:

1. Denda dikenakan oleh Mahkamah Undang-undang atau pertubuhan lain yang berkaitan;
2. Apa-apa perkara disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (a) Liabiliti yang anda bertanggungjawab, disebabkan suatu perjanjian yang dibuat;
 - (b) Kecederaan, kehilangan atau kerosakan akibat daripada:
 - (i) Pemunyaan atau penggunaan pesawat udara, kereta kuda atau kenderaan mekanikal/bermotor, basikal, kapal (selain daripada perahu dayung, perahu jalur atau kanu), binatang (selain daripada kuda, anjing bela jinak atau Kuching) atau senjata api (selain daripada senapang digunakan untuk tujuan sukan);
 - (ii) Penghunian (melainkan untuk sementara bagi tujuan melancong) atau pemunyaan mana-mana;
 - (iii) Menjalankan apa-apa perdagangan atau profesion;
 - (iv) Apa-apa jensi perlumbaan;
 - (v) Apa-apa tindakan sengaja;
 - (vi) Liabiliti dilindungi oleh mana-mana polisi insurans lain.

NOTA: Jika anda menggunakan sebuah kenderaan mekanikal/bermotor, pastikan anda diinsuranskan dengan secukupnya untuk perlindungan pihak .

PENGEUALIAN AM

Anda tidak dilindungi untuk apa-apa perkara diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. Membunuh diri, cubaan membunuh diri, kecederaan disebabkan diri sendiri, dipengaruhi alcohol atau dadah (melainkan dipreskripsikan oleh seorang doctor), penyalahgunaan solven, pendedahan sengaja kepada risiko luar biasa, (melainkan anda cuba menyelamatkan nyawa seseorang), penyakit atau kecederaan pra-wujud;
2. Anda didiagnosis menderita daripada kerisauan atau kesedihan atau apa-apa penyakit mental psikotik sebelum anda insurans;
3. Kehamilan atau kelahiran anak atau apa-apa kecederaan atau penyakit berkaitan dengan kehamilan atau kelahiran anak;
4. Sukan professional atau terancang, sukan musim sejuk (melainkan premium wajar telah dibayar), perlumbaan kelajuan atau ujian daya ketahanan, pemburuan berbahaya;
5. Perjalanan udara (selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam system penerbangan berjadual biasa atau pesawat udara carter berlesen);

6. Kebankrapan/penyelesaian mana-mana pengendali pelancongan, ejen pelancongan atau syarikat pengangkutan;
 7. Apa-apa jenis kehilangan berbangkit;
 8. Apa-apa tuntutan akibat daripada penyakit melalui hubungan seks, penyakit AIDS & HIV atau jangkitan berkaitan AIDS;
 9. Apa-apa akibat sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, sekatan, ketenteraan atau tidak) perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, sekatan, ketenteraan atau perampasan kuasa;
 10. Apa-apa tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau akibat daripada risiko berkaitan nuclear atau tekanan, gelombang supersonic daripada pesawat udara dan objek penerbangan lain yang bergerak lebih pantas daripada kelajuan bunyi;
 11. Mendaki gunung atau mendaki permukaan batuan, atau apa-apa aktiviti yang biasanya memerlukan penggunaan tali atau panduan atau kembara dalam gua;
 12. Kerja kasar anda atau apa-apa jenis pekerjaan berbahaya;
 13. Mengambil bahagian dalam ekspedisi berbahaya atau perkapalan;
 14. Apa-apa bayaran yang anda biasanya tentu telah bayar semasa perjalanan anda, jika tiada apa-apa kesilapan berlaku;
 15. Bermain ski di luar balapan salji keras kecuali semasa di bawah pengawasan seorang pembimbing/pengajar layak;
 16. Lompatan ski, mono ski, hoki ais, penggunaan rangka atau andung lumba;
 17. Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah.
 18. Kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai hasil daripada Keganasan apabila tindakan dan / atau tindakan Keganasan melibatkan penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran walau bagaimanapun ini boleh diedarkan atau digabungkan.
 19. Apa-apa jenis jangkitan dan/atau sakit dan/atau penyakit yang timbul daripada dan/atau atas sebab dan/atau disebabkan walau macam mana pun dan/atau apa sahaja jenis nyamuk tanpa mengira spesies nyamuk termasuk tetapi tidak dihadkan kepada gigitan nyamuk.
7. Anda tidak boleh membuat apa-apa pembayaran, mengaku liabiliti, menawarkan atau berjanji untuk membuat apa-apa pembayaran tanpa keizinan bertulis daripada kami.
 8. Kami berhak untuk mengambil alih apa-apa hak dalam pembelaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan dan mengambil prosiding atas nama anda terhadap mana-mana pihak lain demi faedah kami.
 9. Kami boleh membayar liabiliti penuh kami di bawah polisi kepada anda pada bila-bila masa dan selepas itu tiada bayaran lanjut akan dibuat dalam mana-mana hal.

10. Kewajipan Pendedahan

C. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

D. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

SYARAT

1. Kami mengingatkan anda supaya mendedahkan dengan benar dan lengkap fakta-fakta yang anda tahu atau patut tahu kepada kami, jika tidak anda tidak boleh menerima apa-apa faedah daripada polisi anda.
2. Anda dikehendaki membaca polisi ini. Jika terdapat apa-apa kesilapan atau salah hurai polisi itu hendaklah dipulangkan ke pejabat ini dengan serta-merta untuk membuat pembedaan.
3. Dalam hal tuntutan, jika kami memerlukan satu pemeriksaan perubatan anda mesti bersetuju dengan ini dan dalam hal kematian kami berhak melakukan pemeriksaan post-mortem dan kedua-duanya adalah dengan belanja kami.
4. Anda mesti mengambil semua langkah munasabah untuk mendapat balik apa-apa barang yang hilang atau dicuri.
5. Jika mana-mana tuntutan didapati fraud dalam apa-apa cara, polisi ini tidak boleh berkuatkuasa dan semua tuntutan akan dilucuthak.
6. Bukti menunjukkan premium telah dibayar mesti ditunjukkan sebelum apa-apa tuntutan dibayar.

11. HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

BAGAIMANA MEMBUAT TUNTUTAN

1. Jika anda perlu membuat tuntutan sila dapatkan satu borang tuntutan melalui telefon atau secara bertulis kepada bahagian tuntutan secepat mungkin selepas kepulangan anda dengan menyebut nombor polisi/sijil anda dan seksyen polisi yang anda ingin menuntut.
2. Selepas itu memulangkan borang tuntutan anda yang dilengkapkan kepada bahagian tuntutan bersama-sama dengan pengesahan tempahan anda, semua resit asal dan polisi (mesti

didapat dalam masa 24 jam selepas mengetahui kehilangan, rompakan atau kecurian wang, barang bernilai atau apa-apa kandungan bagasi peribadi) dengan menyebut nombor sijil polisi anda dan bukti lain yang dikehendaki pada boring tuntutan.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:

- i. Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- ii. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans,
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad
- iii. Subjek Data (pencadang) hendak dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Customer Contact Center kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

CUKAI PERKHIDMATAN

Notis Mustahak:-

Dimaklumkan bahawa Cukai Perkhidmatan akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2018 pada kadar enam (6) peratus.

Pihak Syarikat berhak memungut sejumlah amaun bayaran Cukai Perkhidmatan yang berpatutan keatas premium yang ditetapkan semasa tempoh polisi, atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 September 2018, memungut daripada pemegang polisi amaun Cukai Perkhidmatan keatas premium yang dikira secara pro-rata mulai 1 September 2018.

Kewajipan pembayaran Cukai Perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam polisi Insurans.

Undang-Undang yang mengawal Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan, 2018 dan segala Peraturan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

FASAL PENGECEUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
2. Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :
 - 2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - 2.2 Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan,

penularan dari atau ke mana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan

- 2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca polisi ini dan sayart-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.